



ASAH POTENSI KANAK-KANAK, PEWARIS KEPIMPINAN MASA HADAPAN

Potensi adalah kemampuan lahiriah yang dimiliki oleh manusia sejak dilahirkan. Potensi akan terus berkembang apabila sentiasa dirangsang dan digilap.

Mengembangkan potensi kanak-kanak sangat penting, ibu bapa dan guru perlu memiliki pengetahuan dalam konsep perkembangan minda kanak-kanak. Bagi menggali atau mencungkil potensi mereka, ibu bapa, penjaga dan guru mestilah memahami kanak-kanak tersebut.

Menurut Ahli Psikologi, perkembangan manusia meliputi perkembangan fizikal, perkembangan kognitif, perkembangan sosio-emosi dan perkembangan moral.


Potensi kanak-kanak akan berkembang bila potensi diasah, distimulasi dan dikembangkan oleh persekitarannya terutama ibu bapa, guru dan rakan sebaya.

Sehubungan itu, PPANS sangat menyokong usaha menggali potensi kanak-kanak sempena Hari Potensi Kanak-Kanak KEMAS Peringkat Negeri Sembilan. PPANS telah menaja hadiah berupa sumbangan buku kepada semua kanak-kanak yang menyertai aktiviti Hari Potensi. Kanak-kanak sangat istimewa kerana mereka sangat unit dan berbakat.

Perpustakaan juga turut menyediakan ruang khas untuk kanak-kanak di perpustakaan seperti perabot, peralatan dan bahan bacaan sesuai untuk mereka.

**YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus**

BUKU TERKINI DI PPANS




Judul : You Can Beat Your Brain
 Pengarang : McRaney, David
 No. Panggilan: 153 MCR
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
 Harga : 48.00
 Penerbit : Oneworld, London
 M/S : 309ms



Judul : 100 Malay Proverbs
 Pengarang : Siti Zainon Ismail
 No. Panggilan: R 398.99923 SIT
 Bahagian : Rujukan(Dewasa)
 Penerbit : Institut Terjemahan Negara Malaysia
 Harga : 30.00
 M/S : 203ms



Judul : Rukun Iman
 Pengarang : Iskandar Dzulkarnain
 No. Panggilan: J 297.5 ISK
 Bahagian : Pinjaman(Kanak-Kanak)
 Harga : 22.90
 Penerbit : Darul Mughni
 M/S : 105ms.



Judul : Hidangan Sayur : Resepi Barat Yang Diolah Cara Melayu
 Pengarang : Fazalina Ismail
 No. Panggilan: 641.65
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
 Harga : 5.50
 Penerbit : PTS Millenia
 M/S : 47 Ms



Judul : Misi Straight A
 Pengarang : Afiq Salam
 No. Panggilan: 741.59595 AFI
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
 Harga : 24.90
 Penerbit : PTS POP
 M/S : 197ms



SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Y.B. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

Norasyikin binti Yusof Ketua Unit Perhubungan Awam, PPANS

SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail
 Siti Juhaide binti Husin
 Amar Affizi bin Aziz
 Ketua-Ketua Bahagian
 Ketua-Ketua Unit
 Ketua-Ketua Zon

PENYELARAS DAN PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh
 Unit Perhubungan Awam, PPANS

REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

JURUFOTO

Unit Media PPANS

PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam
 Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus
 Tel : 06-763 5989/06-762 1308
 Faks : 06-763 5944
 E-Mel : proppans2014@gmail.com
 Laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

GLOSARI ADAT

AGAM

Nama salah satu suku atau lebih tepat satu persukuan atau pecehan. Suku ini wujud di luak Rembau Baruh. Suku ini tidak mempunyai Lembaga. Suku ini dipimpin oleh Orang Besar. Suku ini bernaung di bawah Datuk Merbangsa, Lembaga suku Paya Kumbuh Baruh. Suku ini dipimpin oleh Orang Besar bergelar Tuk Raja Jekanda yang bertaraf Buapak.

AIR SEGOLOK

Lihat paras air segolok.

APUNG

Sebarang alat yang boleh menjadi tempat bergantung oleh sesiapa yang karam atas air sama ada di laut atau di sungai atau sebarang air dalam.

Perbilangan

Ke laut menjadi apung,
 Ke bukti menjadi tungkat.

BALAI

Tempat tinggal Undang atau Penghulu.

ULASAN BUKU

Tajuk : KAU BELACAN, AKU KEJU!
 Pengarang : AYUNA ASMA
 Penerbit : JEMARI SENI

Sinopsis:

"Tak ada maknanya aku nak kahwin bagai. Selagi tak ada perempuan yang berjaya membuat tempat ni bergetar, tak ada makna aku nak kahwin." Kata Faeq sambil menunjuk ke arah dadanya.

"Pigi dah! Banyak kau punya bergetar, Paet! Meh aku ketuk dada kau tu dengan tukul, kita tengok itu tukul ada kasi getar itu dada atau tak!"

Semasa menjalani praktikum, Ayuna mengenali Faeq. Sikap mereka yang berlawanan menyebabkan berlakunya banyak pertelingkahan. Namun tanpa mereka sedar, setiap pertelingkahan antara mereka menjadikan mereka lebih rapat.

Sekembalinya daripada praktikum, perkahwinannya dengan Khairy seakan telah diatur, sedangkan hatinya telah dicuri oleh Faeq tanpa sedar. Apakah pilihan Ayuna? Menerima rancangan yang telah diatur atau menunggu orang yang belum pasti?

Dapatkan buku ini di Zon Dewasa, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Sidang Pengarang Buletin PPANS amat mengalu-alukan pandangan, cadangan dan komentar terhadap buletin ini. Pandangan dan cadangan dalam menambah baik buletin amat dihargai.

BERITA GRUP SAYANGI PERPUSTAKAAN



Assalamualaikum semua.

Grup Sayangi Perpustakaan nampaknya semakin mendapat tempat di sekolah. Banyak permintaan untuk GSP hadir dan memeriahkan sekolah dengan pelbagai aktiviti galakan membaca yang menarik.

Jom kita kongsi pengalaman bersama-sama kawan-kawan di SMK Taman Indah, Tampin seramai 88 orang pelajar mengikuti Program Sayangi Perpustakaan (8 Oktober 2014), Kolej Vokasional Port Dickson seramai 633 orang pelajar (15 Oktober 2014), SK. Sendayan seramai 108 orang pelajar (16 Oktober 2014) dan SK Taman Tunku Jaffar 2, Senawang seramai 80 orang pelajar (28 Oktober 2014).


Terima kasih kepada Pengetua, Guru Besar, Guru-guru dan semua pelajar yang menyertai program GSP PPANS.



INFO TAHUKAH ANDA?

Peluh Di Hidung

Selepas bersenam, tubuh kita akan dibasahi peluh. Ini kerana terdapat liang roma di seluruh tubuh kita yang dapat menyingkirkan peluh. Namun begitu lain pula halnya bagi lembu. Tahukah anda, kelenjar peluh pada lembu hanya terdapat pada hidungnya? Patutlah hidung lembu sentiasa kelihatan basah



PPANS MENAJA HADIAH BAHAN BACAAN KANAK-KANAK

1 Oktober 2014 Hari Potensi Kanak-Kanak KEMAS Peringkat Negeri Sembilan telah diadakan di Mydin Mall Seremban 2, dimana perpustakaan telah menaja hadiah berupa bahan bacaan kepada semua pemenang dan peserta yang mengambil bahagian.

Sebanyak 1180 buah bahan bacaan telah disumbangkan khusus untuk Hari Potensi ini. PPANS akan terus menggalakkan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak. Tahniah kepada Pengarah KEMAS Negeri Sembilan kerana turut memberi penekanan kepentingan membaca kepada kanak-kanak.

PPANS turut mengambil bahagian dalam pameran dengan menyediakan ruang untuk Bermain Dam Ular Gergasi, Aktiviti Musang Berjanggut, Teka Muka Surat Buku, Pancing Ikan dan Jom Bergambar. Pameran PPANS mendapat sambutan daripada kanak-kanak dan ibu bapa yang hadir.

INGAT PENGETAHUAN, INGAT U-PUSTAKA

Seremban – PPANS telah mengadakan Pameran U-Pustaka dan daftar keahlian 'on-line' semasa Kempen Pendaftaran OKU, Pertandingan Bakat Istimewa dan Produk Pusat Pemulihan Daerah Komuniti Peringkat Negeri Sembilan 2014 anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang dilaksanakan pada 19 Oktober 2014 di Seremban Prima.

Perkhidmatan U-Pustaka sangat memberi manfaat kepada masyarakat kerana ia adalah kemudahan bahan bacaan yang diperlukan atas talian. Daftarlah sekarang! Anda akan nikmati kelebihannya.



KENANGAN MANIS BERSAMA ARMAN AFFENDY

Seremban, pada 21 Oktober 2014 PPANS telah mengadakan majlis perpisahan buat Encik Arman Affendy bin Samsudin di Perpustakaan Negeri, Seremban.

Encik Arman Affendy bin Samsudin telah berkhidmat selama 5 tahun di Unit Kewangan PPANS. Kini beliau telah berjaya mendapat pekerjaan tetap di Kementerian Sumber Manusia Putrajaya.



SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2014 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Setiap tahun Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sembilan melaksanakan Program Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan.

Antara jabatan yang terlibat setiap tahun adalah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Tahun ini PPANS telah mengadakan aktiviti Pertandingan Bercerita Kanak-kanak, Pertandingan Pantun Peringkat Sekolah Menengah, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak dan Epslorasi Bahasa Merentas Desa.

Majlis Perasmian Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan telah diadakan di Mydin Mall, Seremban 2 dan disempurnakan oleh YB. Dato' Haji Tahar bin Haji Sudin, Pegawai Kewangan Negeri pada 10 Oktober 2014. Turut hadir Pengarah DBP Wilayah Tengah, Encik Abang Patdell bin Abang Muhi, Encik Azmi bin Ibrahim, Ketua Editor Bahagian Majalah, Puan Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah PPANS dan Ketua-ketua Jabatan Negeri.



**MAJLIS PERASMIAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2014
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
DI MYDIN MALL SEREMBAN 2**



PERTANDINGAN BER CERITA KANAK-KANAK

Johan – Adik Muhd Afiq Darmish (Tadika Anakku Nur Iman)
Naib Johan – Adik Annam Seethaletchumi (Pra Sekolah Puteri, Seremban)
Ketiga – Adik Amirah Najwa Mohd Najib (Tadika Kemas Tmn Tasik Jaya)



PERTANDINGAN MEWARNA BULAN BAHASA
Di Mydin Mall Seremban 2, Pada 11 Oktober 2014



PERTANDINGAN PANTUN SEKOLAH MENENGAH
Di Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Pilah,
Pada 18 Oktober 2014

PPANS HADIRI PERSIDANGAN PUSPANITA KALI KE-2



Persidangan Tahunan PUSPANITA ke-2, telah diadakan pada 20 hingga 21 Oktober 2014 di Dewan Seri Endon Puspanitapuri dengan berteraskan "Memperkuhkan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan: Jaringan Strategik Antara Perkhidmatan Awam, Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan". Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara merangkap Penasihat PUSPANITA.



Majlis ini turut dihadiri oleh ahli-ahli PUSPANITA Negeri Sembilan yang diketuai oleh Y.Bhg. Datin Paezah binti Ismail Pengerusi Puspanita Negeri Sembilan.

PUSPANITA, terdiri daripada penjawat awam wanita dan isteri penjawat awam, Mereka telah didedahkan dengan pembaharuan dalam sektor awam. Pendedahan dapat membantu mereka untuk sama-sama menyumbang meningkatkan kecekapan dan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan awam.



PROGRAM SAYANGI KELUARGA PAC JEMPOL

Jempol – Perpustakaan Awam Jempol telah mengadakan satu program iaitu Sayangi Keluarga PAC Jempol pada 23 Oktober 2014. Program ini khas kepada orang kelainan upaya (OKU) yang bertujuan memupuk kasih sayang di kalangan mereka untuk datang ke perpustakaan. Mereka juga dapat sama menggunakan perkhidmatan yang di sediakan oleh perpustakaan. Di samping itu juga beberapa aktiviti menarik telah disediakan untuk mereka. Seramai 35 orang peserta OKU daripada PDK Felda Serting datang ke perpustakaan.



PENGURUSAN STRES & MINDA SIHAT

Kursus 'Pengurusan Stres dan Minda Sihat' telah dianjurkan oleh Kumpulan Harmoni AKRAB Tahap 2 2014, anjuran bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Pejabat Kewangan & Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAINS), Unit Aset & Psikologi dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Kursus ini telah berlangsung pada 16 Oktober, 2014 bertempat di Bilik Gerakan UMNO, Seremban.

Seramai 30 orang peserta yang hadir telah mendapat perkongsian yang sangat menarik dan bernas dari penceramah jemputan iaitu En. Ahmad Badaruddin bin Abdullah dan En. Muhammad Izzuddin bin Ghazali, Pegawai Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Majlis Penyampaian Sijil telah disampaikan oleh Puan Jamilah @ Chumila bt Hj. Katis, Pengarah PPANS.

Jutaan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Y.B Dato' Hj. Tahar bin Hj. Sudin dan Pengarah PPANS Puan Jamilah @ Chumila bt Hj. Katis atas kesudian beliau menghadiri kursus tersebut.

